

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN
(NIBONG TEBAL)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.06.2015

Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status kemajuan perkembangan MAS (Sistem Penerbangan Malaysia) selepas perlantikan Ketua Pegawai Eksekutif dari luar negara. Adakah ditetapkan tempoh (time line) yang diberikan kepada beliau dalam menjalankan tugas pemulihan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Christoph Mueller telah

secara rasminya memulakan tugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Malaysian Airline System Bhd (MAS) pada 1 Mei 2015, namun beliau telah memegang jawatan Pengarah Bukan Eksekutif MAS sejak 1 Januari 2015.

Sungguhpun demikian, inisiatif pemulihan MAS telah pun dilaksanakan sebelum beliau memegang tampuk kepimpinan MAS lagi, bermula dengan pengumuman Pelan Pemulihan MAS oleh Khazanah Nasional Berhad pada 29 Ogos 2014 dan beberapa inisiatif susulan seperti yang telah dilaporkan dalam Laporan Perkembangan Sukuan Pelan Pemulihan MAS yang pertama pada 28 November 2014 dan Laporan Perkembangan Sukuan Pelan Pemulihan MAS yang kedua pada 2 Mac 2015. Antara pencapaian utama yang telah berjaya dilakar sehingga kini adalah seperti berikut:

- a. Bayaran berjumlah RM1.38 bilion telah dibuat kepada pemegang saham lanjutan daripada kelulusan pembayaran balik modal secara terpilih sebagai sebahagian daripada fasa pertama pendanaan pelaburan bersyarat berjumlah sehingga RM2.0 bilion;

- b. Saham MAS telah dinyahsenarai daripada Bursa Malaysia pada 31 Disember 2014;
- c. Akta Malaysian Airline System Bhd (Pentadbiran) 2015 (Akta MAS) telah dikuatkuasakan pada 20 Februari 2015 setelah diluluskan di Parlimen;
- d. Rang Undang-Undang Suruhanjaya Penerbangan 2015 telah diluluskan di Parlimen pada 22 April 2015;
- e. Kira-kira 4,000 kontrak telah dikenal pasti dalam kajian semula menyeluruh kontrak-kontrak MAS untuk samada diserahkan hak (*novation*), ditamatkan dan dirunding semula. Rundingan semula dengan Brahim Airline Catering Sdn Bhd telah dimuktamadkan dengan pemeteraian Perjanjian Katering Baru pada 10 Mei 2015;
- f. Pusat Pembangunan Korporat atau *Corporate Development Centre* (CDC) akan mula beroperasi pada 28 Mei 2015. Pusat tersebut

menyediakan peluang latihan dan penempatan semula bagi kakitangan MAS yang tidak diserap ke Syarikat Baru (NewCo);

g. Perpindahan kakitangan daripada Subang ke Bangunan Kemudahan Sokongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dijadualkan akan bermula pada Ogos 2015; dan

h. Panel Perundingan Pekerja atau *Employee Consultative Panel* (ECP) telah mengadakan tiga mesyuarat pada 8 Disember 2014, 17 Februari 2015 dan 13 Mei 2015 yang dihadiri oleh wakil bagi semua kesatuan sekerja, persatuan kakitangan dan wakil kakitangan yang tidak termasuk dalam kesatuan sekerja. Mereka yang hadir diberi penerangan tentang status terkini berkaitan Pelan Pemulihan MAS, pengumuman barisan kepimpinan, kaedah penilaian bakat, CDC, program kajian semula bakat, skim pemisahan pekerja, penggajian di NewCo dan pengurusan peringkat peralihan.

Christoph Mueller telah dipertanggungjawabkan untuk menerajui usaha penyusunan semula syarikat yang dijangka akan mengambil masa

lima tahun, dengan beberapa sasaran yang jelas telah ditetapkan sepanjang tempoh tersebut seperti berikut:

- a. Menjelang 1 September 2015, MAS akan memindahkan komponen berkaitan operasi, liabiliti dan aset secara rasmi kepada NewCo dan menghentikan operasi MAS serta barisan kepimpinan NewCo akan memacu inisiatif penyusunan semula;

- b. Menjelang penghujung 2017, NewCo disasarkan untuk kembali mencatatkan keuntungan; dan

- c. Menjelang tahun 2020, NewCo disasarkan mencapai kelebihan kompetitif yang jelas, mencatatkan keuntungan yang mampan dan mampu berdikari dari segi kewangan serta memperoleh pengiktirafan sebagai peneraju industri. NewCo seharusnya berada dalam kedudukan yang kukuh untuk penyusunan semula, penjualan atau perkongsian strategik yang akan menjana pulangan positif kepada rakyat dan negara.